

Bersih jejas sektor industri pelancongan
Utusan Online
07 Mei, 2012

IPOH 6 Mei - Perhimpunan Bersih 3.0 di ibu negara baru-baru ini menjejaskan sektor pelancongan apabila terdapat pelancong yang membatalkan kedatangan ke negara ini gara-gara bimbang mengenai keselamatan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Hamidah Osman berkata, pihaknya dimaklumkan oleh pengusaha hotel bahawa banyak tempahan bilik dibatalkan pada saat-saat akhir menjelang perhimpunan tersebut.

Selain itu, katanya, banyak pelancong tidak mendapat gambaran sebenar apabila menangguhkan percutian mereka ke negeri ini kerana ragu-ragu mengenai tahap keselamatan mereka.

"Kita terima aduan daripada pengusaha hotel khususnya sekitar Manjung mengenai pelancong yang membatalkan tempahan bilik kerana perhimpunan tersebut.

"Kita sentiasa bertungkus-lumus mempromosikan negeri ini dan Malaysia ke luar negara untuk menarik lebih ramai pelancong asing, namun, jika ada perhimpunan seperti itu, ia mencacatkan usaha yang kita lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat pengiklanan tempatan, Mega Dynasty Sdn. Bhd. dengan syarikat pelancongan China, Guijiang Travel Company Limited, di sini kelmarin.

Pada majlis itu, Mega Dynasty diwakili Pengarah Urusannya, Daniel Lee manakala Guijiang Travel diwakili Ketua Pengarahnya, Lu Zhong Min.

Melalui kerjasama itu, Mega Dynasty akan bertindak mengurus dan menyediakan pakej-pakej pelancongan di negeri ini kepada pelancong yang datang dari Guangxi yang dikelolakan Guijiang Travel.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0507&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm